

Himpunan Jutaan Belia Beri Peluang Anak Muda Tunjuk Kreativiti – Shabery Bernama
02 Mei, 2012

PUTRAJAYA, 2 Mei (Bernama) -- Program Himpunan Jutaan Belia pada 22 hingga 27 Mei ini akan memberi peluang kepada anak-anak muda menunjukkan kreativiti dan memberikan pandangan mereka secara terbuka dan tersusun, kata Menteri Belia dan Sukan Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

Beliau berkata program itu jauh berbeza dengan perhimpunan di ibu negara pada Sabtu lepas yang mengajak anak-anak muda melanggar peraturan dan membuat perkara bersifat keganasan.

"Himpunan Belia pula berbeza di mana kita serahkan Putrajaya untuk anak-anak muda berada di sini bagi menunjukkan kreativiti, tenaga dan pandangan mereka secara terbuka dan tersusun," katanya kepada pemberita selepas prapelancongan Larian Ekiden Antarabangsa Malaysia 2012 di sini.

Mengenai dakwaan penglibatan golongan belia dalam perhimpunan itu bermaksud kementerian itu gagal mendidik golongan belia untuk melakukan aktiviti-aktiviti bermoral, Menteri itu berkata dakwaan itu tidak benar.

Dalam pada itu, beliau berkata tiada laporan diterima berhubung penglibatan mana-mana atlet atau pemimpin persatuan belia dalam perhimpunan itu.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=663342>